

SKEMA JAWAPAN KERTAS 2

BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

Markah penuh dibahagikan kepada

- | | | | |
|------------|------------------------|---|-----------|
| Soalan 1 - | Morfologi | : | 8 markah |
| Soalan 2 - | Sintaksis | : | 6 markah |
| Soalan 3 - | Penyuntingan | : | 11 markah |
| Soalan 4 - | Bahasa Melayu Standard | : | 6 markah |
| Soalan 5 - | Peribahasa | : | 4 markah |

EMPAT KATA KERJA TRANSITIF	MAKSUD
meluangkan	mengosongkan (tempat dll), melapangkan (masa dll): walaupun sibuk, ia sentiasa ~ masa utk kanak-kanak;
melayari	belayar di (laut, sungai) dgn kapal atau perahu, mengharungi: tiga hari sudah mereka ~ laut lepas dgn tiada diganggu oleh apa-apa jua; ~ Internet mencari dan men-dapatkan maklumat, data dsb dlm Internet;
mencari	1. berusaha utk mendapat (mem-peroleh) sesuatu, melihat ke sana sini dan berusaha supaya menjumpai atau mendapat kembali sesuatu yg hilang atau tidak diketahui mana pergiinya; 2. mengada-adakan sesuatu, sengaja menimbulkan (mengadakan): dia memang suka ~ gaduh di tempat orang ramai; ~ akal (fikiran, jalan) berusaha mendapat cara utk mencapai tujuan; ~ bala = ~ susah membuat sesuatu yg akhirnya menyusahkan; ~ daya upaya = ~ ikhtiar berusaha sungguh--sungguh;
membuat	1. mengerjakan (melakukan) sesuatu: ~ baik (jahat, salah, dll); ia tidak ~ apa-apa; 2. sl = membuat: maka Sultan Mansor Shah memberi titah pd Bendahara Paduka Raja menyuruh ~ istana; maka baginda ~ sebuah negeri terlalu besar; ~ baik berpada-pada, ~ jahat jangan sekali prb berbuat baik hendaknya berhad (jangan berlebih-lebihan), pekerjaan jahat jangan sekali-kali dibuat; ~ kerja spt Mak Jujai prb orang yg selalu meninggalkan pekerjaan terbengkalai; membuat 1. = memperbuat membuat, membentuk, mencipta: ~ rumah; ~ surat; 2. mengerjakan, melaksanakan, melakukan, menjalankan: apa yg hendak dibuat, nasi telah menjadi bubur; 3. menyebabkan, menimbulkan, menerbitkan, mendatangkan, menjadikan: ~ bagus; ~ buruk; ~ malu; ~ marah; ~ takut; ~ bodoh a) membodohkan; b) berpura-pura bodoh;
membeli	1. memperoleh barang dgn membayar (harganya): anak itu disuruhnya ~ kopitiam di kedai; 2. mencapai (memperoleh) sesuatu dgn usaha yg keras (dgn pengorbanan): ijazah itu saya beli dgn usaha siang dan malam; ~belah membeli berbagai-bagai jenis barang; alah (kalah) ~ menang memakai prb barang yg baik memang mahal harganya tetapi lama dapat dipakai; gajah lalu dibeli, kosa tidak terbeli prb pekerjaan besar dapat dibuat, tetapi pekerjaan kecil utk menjayakan pekerjaan besar itu tidak terbuat; mahal dibeli, sukar dicari prb benda yg tidak mudah didapat (jarang ada);membelikan

[8 markah]

SOALAN 2: SINTAKSIS

i) bumi menghalang cahaya matahari dan menyebabkan bayang bumi mengunjur jauh ke angkasa.

FN+FK

FN: bumi **[1 markah]**

FK: menghalang cahaya matahari dan menyebabkan bayang bumi mengunjur jauh ke angkasa.

[1 markah] ii) Kemuncak gerhana bulan ialah pada pukul 11:19 (waktu universal).

FN+FS

FN: Kemuncak gerhana bulan **[1 markah]**

FS: ialah pada pukul 11:19 (waktu universal) **[1 markah]**

iii) Tempoh gerhana bulan penuh paling lama hanyalah 14 minit, 28 saat.

FN+FA

FN: Tempoh gerhana bulan penuh **[1 markah]**

FA: paling lama hanyalah 14 minit, 28 saat **[1 markah]**

[6 markah]

SOALAN 3: PENYUNTINGAN

Petikan 1

Salah		Betul
1. Sukanan	-	kesukanan
2. pada	-	ke
3. tersoho	-	tersohor
4. antara bangsa	-	antarabangsa
5. diperolehi	-	diperoleh
6. berdaya maju	-	berdaya saing

[5 markah]

Petikan 2

Salah		Betul
1. daripada	-	dari
2. di	-	dalam
3. pembiakkan	-	pembiasaan
4. tulen	-	asli
5. tropica	-	tropika
6. bio-teknologi	-	bioteknologi
7. serangan	-	serangga

[6 markah]

SOALAN 4: BAHASA MELAYU STANDARD

Panduan:

Kriteria	Markah
<input type="checkbox"/> Isi cukup <input type="checkbox"/> Ikut urutan <input type="checkbox"/> Bahasa gramatis	3-4
<input type="checkbox"/> Isi cukup <input type="checkbox"/> Ikut urutan <input type="checkbox"/> Bahasa tidak gramatis	2
<input type="checkbox"/> Isi tidak cukup <input type="checkbox"/> Bahasa tidak gramatis Mengikut urutan	1
<input type="checkbox"/> Ayat disalin bulat-bulat	0
<input type="checkbox"/> Isi tidak mengikut urutan	0

Cadangan jawapan:

Bahasa Klasik	Bahasa Melayu Standard
Maka Sultan Muzaffar Syah tiada mahu menyembah ke benua Siam.	Sultan Muzaffar Syah tidak mahu menyembah Raja Siam di benua Siam.
Maka Raja Benua Siam terlalu marah, lalu menyuruh ber lengkap akan menyerang Melaka;	Raja Benua Siam pun terlalu murka lalu ber lengkap untuk menyerang Melaka.
Aw i Cakri nama panglimanya, membawa rakyat terlalu banyak tiada terpermanai lagi.	Baginda menitahkan panglimanya, iaitu Aw i Cakri untuk membawa rakyat yang amat banyak sehingga tidak terkira untuk serangan tersebut.
Maka dipersembahkan orang ke bawah Duli Sultan Muzaffar Syah bahawa Raja Benua Siam menitahkan hulubalang.	Segala perkara yang berlaku dipersembahkan oleh orang ke bawah Duli Sultan Muzaffar Syah bahawa Raja Benua Siam menitahkan hulubalangnya untuk menyerang Melaka.

[6 markah]**SOALAN 5: PERIBAHASA**

(Pilih mana-mana dua jawapan) [4 markah]

- i. Seperti muncurahkan air ke daun keladi [1 markah]
- Masuk telinga kanan, keluar telinga kiri/ seperti hujan jatuh ke pasir **[1 markah]**
- ii. menepuk air di dulang, terpercik ke muka sendiri [1 markah]
- Membuka pekung di dada **[1 markah]**
- iii. bagai kaca retak seribu [1m]
- Seperti kaca terhempas ke batu [1m]

**BAHAGIAN B: PEMAHAMAN
(35 Markah)**

Soalan 6: Petikan Umum (i)**Maksud karya unik:**

ciptaan/ buatan/ istimewa/ luar biasa	2 m
ciptaan unik	1 m
karya istimewa	1 m
tradisi istimewa	0 m

[Maksimum: 2 markah]**(ii) Ciri-ciri silat dalam Bahан 1:**

- P1 penggunaan keris yang menjadi lambang jati diri Melayu dan satu-satunya senjata khusus orang Melayu
- P2 menerapkan ilmu spiritual atau keagamaan untuk memperkuuh aspek rohani pengamalnya
- P3 menekankan adab dan budaya Melayu yang menjadi teras kepada peradaban dan jati diri Melayu

Ciri-ciri tarian inai dalam Bahان 2:

- P1 penggunaan inai dalam tarian sebagai simbolik untuk meraikan anak gadis dalam majlis perkahwinan dan majlis berkhatan
- P2 menggabungkan gerak seni silat, makyung dan sendo, dengan gerakan perlahan dan terkawal

[Maksimum: 3 markah] [Isi cukup: 2 isi daripada setiap bahan]**(iii) Kepentingan masyarakat mengekalkan warisan bangsa:**

- P1 dapat diwarisi oleh generasi akan datang
- P2 dapat dijadikan bahan kajian dalam bidang ilmu
- P3 dapat dijadikan produk pelancongan/ tarikan pelancong
- P4 rakyat Malaysia mempunyai identiti bangsa/ keunikan rakyat Malaysia
- P5 dapat mempelajari/ mengetahui budaya pelbagai kaum
(Terima mana-mana jawapan yang relevan)

**[Maksimum: 3 markah]
[Isi cukup: 2 isi]****(iv) Tindakan-tindakan untuk memastikan situasi itu tidak berulang ialah saya akan:**

- P1 Menegur pelajar-pelajar tersebut supaya menghormati majlis
- P2 Menulis peraturan dalam buku atur cara majlis atau program
- P3 Meminta juruacara membuat pengumuman tentang peraturan atau adab dalam majlis
- P4 Membawa pelajar terlibat berjumpa dengan guru disiplin/ kaunselor
(Terima mana-mana jawapan yang relevan)

**[Maksimum: 4 markah]
[Isi cukup: 3 isi]**

Soalan 7: Petikan Sastera

- (i) **Maksud ditimpa musibah:**

dilanda/ dikenai bencana/ malapetaka	2 m
dilanda musibah	1 m
ditimpa bencana	1 m
dihempap bencana	0 m

[Maksimum: 2 markah]

- (ii) **Cabaran dan dugaan dalam Bahan 1:** P1 tinggal di pondok kecil dan terpencil

- P2 kehilangan cucu
P3 usia yang tua
P4 hidup dalam kemiskinan

Cabaran dan dugaan dalam Bahan 2:

- P1 kehadiran anak-anak yang tidak menggembirakan hati
P2 anak-anak yang memikirkan kerja, wang, kerugian, suami atau isteri
P3 anak-anak yang tiada belas kasihan

Cabaran dan dugaan dalam Bahan 3:

- P1 anak dagang yang kesedihan
P2 anak dagang yang nasibnya tidak menentu
P3 anak dagang yang tidak dapat pulang ke kampung/ berada jauh daripada keluarga
P4 anak dagang yang mengenang nasib di negeri orang

[Maksimum: 4 markah] [Isi cukup: 3 isi daripada setiap bahan]

- (iii) **Punca-punca seseorang gagal menghadapi cabaran dan dugaan:**

- P1 sikap berputus asa/ cepat mengalah
P2 tidak belajar daripada pengalaman lalu
P3 tidak mempunyai ilmu dan kemahiran
P4 tidak mempunyai prinsip/ matlamat hidup
(Terima mana-mana jawapan yang relevan)

**[Maksimum: 3 markah]
[Isi cukup: 2 isi]**

- (iv) **Usaha-usaha untuk membantu pihak sekolah ialah saya akan:**

- P1 mengadakan mesyuarat untuk pengagihan tugas
P2 mengadakan kutipan derma
P3 mengadakan jualan amal
P4 menularkan program tersebut dalam media sosial
P5 meminta bantuan/ pendapat daripada ahli keluarga/ ibu bapa tentang perkara yang perlu dilakukan
(Terima mana-mana jawapan yang relevan)

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

Soalan 8: Novel

(i) Reaksi penonton:

- P1** tepukan yang gemuruh
- P2** linangan air mata daripada beberapa orang tua yang menyaksikan Haiqal menari
- P3** Lazim sentiasa bersorak memberikan kata-kata perangsang
- P4** YB Datuk Saiful Azizi begitu terpesona melihat kelembutan gerak tari See Hwa dan Haiqal
- P5** tiga susuk manusia yang cukup dikenalinya di bahagian belakang balai tempat duduk penonton yang tersenyum

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

(ii) Dua peristiwa yang menimbulkan rasa empati pembaca.

Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor

Silir Daksina karya Nizar Parman

<p>i. Peristiwa Farisha dijadikan sebagai bahan ujikaji Karl[1M]</p> <p>Farisha dimasukkan pelbagai jenis ubat semasa dia bayi tanpa bius oleh ayah kandungnya Karl. Karl sanggup berbuat demikian demi menjadikan Farisha genius.[1M]</p> <p>Peristiwa ini amat menyedihkan kerana hilangnya nilai kemanusiaan dalam diri seseorang akibat ketaksubannya terhadap teknologi.[1M]</p> <p>ii. Peristiwa Marilyn hendak membunuh Farisha[1M]</p> <p>Marilyn sanggup hendak membunuh anaknya Farisha kerana tidak mahu Farisha menderita akibat kegilaan Karl untuk menjadi saintis hebat.[1M]</p> <p>Peristiwa ini amat menyedihkan kerana ibu bapa seharusnya melindungi anak-anak</p>	<p>iii. Peristiwa Abdullah Kayan merindui anaknya, Haiqal. [1M]</p> <p>Abdullah Kayan menumpahkan kasih sayang terhadap See Hwa dan menulis manuskrip untuk mencurahkan perasaan rindu terhadap anaknya, Haiqal. [1M]</p> <p>Peristiwa ini amat menyedihkan kerana seorang ayah tidak dapat menemui anaknya hingga akhir hayat.[1M]</p> <p>iv. Peristiwa Haiqal menziarahi pusara ayah kandungnya. [1M]</p> <p>Haiqal menziarahi pusara ayahnya yang terletak di Kampung Seri Purnama. Dia menangis teresak-esak kerana tidak dapat membendung kesedihan dan menanggung rindu yang mendalam terhadap ayahnya. [1M]</p> <p>Peristiwa ini amat menyedihkan kerana</p>
---	---

<p>bukannya menyakiti anak-anak.[1M]</p> <p>iii. Peristiwa Azraai memberitahu kepada Farisha bahawa dia hanyalah anak angkat dalam keluarga Azraai. [1M]</p> <p>Selama ini Farisha menyangka bahawa umi dan ayahnya ialah keluarga kandungnya kerana dia telah mendapat kasih sayang yang sepenuhnya daripada mereka. [1M]</p> <p>Peristiwa ini menimbulkan perasaan simpati kerana Farisha tertanya-tanya akan siapakah ibu bapanya yang sebenar.[1M]</p>	<p>menunjukkan kerinduan seorang anak terhadap ayah kandungnya yang sudah tiada lagi di dunia.[1M]</p> <p>iii. Peristiwa Haiqal tidak dibenarkan oleh ibunya, untuk melihat jenazah arwahnya di Kampung Seri Purnama buat kali yang terakhir. [1M]</p> <p>Sejak kecil Haiqal tidak pernah berjumpa dengan bapa kandungnya itu, sehinggalah bapanya meninggal dunia.[1M]</p> <p>Pembaca berasa simpati kerana Haiqal selama ini tidak pernah berjumpa dengan bapa kandungnya sehinggalah bapanya meninggal dunia malahan tidak dibenarkan oleh ibunya untuk melihat jenazah arwah untuk kali yang terakhir. [1M]</p>
---	--

(Terima mana-mana jawapan yang relevan)

[Maksimum: 6 markah]
 [Isi cukup: 2 isi dan 2 huraiian]

Soalan 9 : Rumusan

Markah penuh **30** dibahagikan kepada:

- (a) Isi - **20** markah
- (b) Bahasa - **10** markah

(a) Isi [20 markah] Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
 - perkataan berganda
 - penggunaan kata sendi di dan ke
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor dan perkataan
 - gelaran
 - penanda wacana

(ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.

(iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

(iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

(v) Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.

(vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

	Jumlah Markah	20
--	----------------------	-----------

RUMUSAN

	PENDAHULUAN	MARKAH
P1	Rumusan membincangkan kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh peniaga, kelebihan-kelebihan/kebaikan-kebaikan perniagaan dalam talian dan cara-cara/langkah-langkah mempromosikan produk	2
P2	Rumusan membincangkan kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh peniaga dan kelebihan-kelebihan/kebaikan-kebaikan perniagaan dalam talian	1
P3	Rumusan membincangkan kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh peniaga dan cara-cara/langkah-langkah mempromosikan produk	1

	FOKUS 1: kesilapan-kesilapan/kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh peniaga	
	Bahan 1	
A1	Tidak menentukan kategori atau target pelanggan	2
A2	Memulakan perniagaan yang bukan minat sehingga proses pembelajaran dan selok-belok bisnes dirasakan amat terbeban	2
A3	Tidak mempunyai dedikasi dan komitmen yang tinggi	2
A4	Menjangkakan akan mendapat keuntungan dengan banyak dalam masa yang singkat sedangkan perniagaan sebegini mendapat untung yang sedikit atau tidak ada untung untuk tahun pertama	2
	Bahan 2	
B1	Menunggu terlalu lama untuk melancarkan produk/ perkhidmatan	2
B2	Tidak mendengar kehendak pelanggan	2
B3	Menyelesaikan masalah yang tidak penting	2
B4	Tidak ada kelainan yang ketara dengan peniaga lain	2

B5	Memilih topik yang tidak kisah	2
B6	Memulakan dengan jangkaan yang salah	2
B7	Menghabiskan masa dengan berfikir dan tidak bertindak	2
B8	Melakukan perniagaan secara berseorangan	2
B9	Keliru antara ‘blog’ dengan ‘perniagaan’	2
B10	Langsung tidak bermula	2

	FOKUS 2:kelebihan-kelebihan/kebaikan-kebaikan/ manfaatmanfaat perniagaan dalam talian	
	Bahan 1	
C1	Urusan perniagaan dalam talian dapat dilakukan tanpa memerlukan ruang atau tempat	2
C2	Perniagaan dalam talian juga mudah dijalankan dengan modal yang lebih rendah	2
C3	Risikonya lebih rendah dan peniaga dapat mengendalikan sendiri perniagaan mereka tanpa perlu mengupah pekerja	2
C4	Memberi peluang kepada peniaga beroperasi selama 24 jam pada setiap hari	2
C5	Teknologi yang canggih kini membolehkan pengguna Internet membeli-belah dalam talian pada bila-bila masa dan di manamana sahaja	2
C6	Peniaga tidak perlu memantau urusan tempahan sepanjang hari kerana cuma perlu menyediakan sistem tempahan automatik demi kemudahan pengguna	2
C7	Mampu melaksanakan pasaran produk ke pasaran global atau antarabangsa	2
C8	Pengguna tidak perlu meninggalkan rumah atau pejabat sekali gus menjimatkan minyak dan masa perjalanan ke kedai	2
C9	Aplikasi perniagaan secara dalam talian membolehkan pihak pengguna memilih pelbagai pilihan produk yang ditawarkan oleh pihak peniaga	2

	FOKUS 3: Cara-cara/langkah-langkah/ usaha-usaha mempromosikan produk	
D1	Peniaga perlu membina website untuk menyalurkan maklumat tentang perusahaan, produk, perkhidmatan dan promosi agar dapat diketahui oleh pelanggan	2
D2	Peniaga perlu memilih tapak pasaran yang mempunyai reputasi yang baik untuk memasarkan produk mereka	2

D3	Peniaga perlu giat mengadakan promosi di platform media sosial seperti <i>Instagram</i> , <i>Facebook</i> dan <i>Twitter</i> kepada pengikut yang aktif	2
	Kesimpulan	
K1	Kesimpulannya, perniagaan dalam talian hendaklah diperkasakan agar memudahkan kehidupan masyarakat pada masa kini.	2
K2	Kesimpulannya, perniagaan dalam talian dapat memudahkan urus niaga.	1
	(Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)	